

UPM, KPJUC kolaborasi laksana khidmat bakti

PUCHONG – Bermatlamat menanam keinsafan dan kesedaran bahawa anak yatim adalah pelengkap kepada sebuah masyarakat yang aman dan harmoni, penuntut di dua institusi pengajian tinggi (IP) bergabung melaksanakan program khidmat bakti di Pertubuhan Kebajikan dan Bimbingan At-Taqwa, di sini.

Pengarah Program Pautan Kasih 2017, Muhammad Firdhaus Razali berkata, program itu melibatkan kira-kira 100 warga Kokurikulum Berkredit Bakti Siswa Kumpulan 2 dan 4 serta penuntut Ijazah Sarjana Muda Strategik dan Komunikasi Korporat.

Menurutnya, program selama dua hari itu hasil kolaborasi Universiti Putra Malaysia

(UPM) dan KPJ Healthcare University College (KPJUC).

“Dengan slogan ‘berpaut bersama, bergerak sehaluan,’ program ini dilaksanakan kerana kami menyedari anak yatim juga adalah tunjang yang akan menggerakkan negara pada masa depan. Mereka harus diberi perhatian kerana tiada ibu atau bapa untuk curah kasih sayang.

“Program ini juga lebih kepada memberi kesedaran kepada pelajar mengenai konsep masyarakat yang sebenar,” katanya.

Menurutnya, kesemua yang terlibat turut menyertai program ceramah anjuran Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).



Peserta Program Pautan Kasih bergambar bersama anak-anak yatim Pertubuhan Kebajikan dan Bimbingan At-Taqwa.